



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



SUARA SADOK

'Merealisasikan kejayaan PMBS'

JUL 2020 - DIS 2020



VISI PMBS

Menjadi peneraju industri TVET yang unggul.

MISI PMBS

**Menyediakan akses yang meluas kepada program
TVET yang berkualiti dan diiktiraf.**

**Memperkasa komuniti melalui pembelajaran
sepanjang hayat.**

**Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan
dan seimbang.**

**Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar
dengan pihak berkepentingan.**



PENGENALAN

'SUARA SADOK' adalah satu identiti baru yang dipertengahan dan semakin meningkat naik dalam penerbitan buletin politeknik seluruh Malaysia. Nama ini terus digunakan dalam penerbitan Buletin PMBS.

'SUARA SADOK' adalah identiti Politeknik METrO Betong Sarawak sebagai tonggak utama dalam mempromosikan Bukit Sadok yang mempunyai sejarah yang tersendiri serta keindahan flora dan fauna yang masih belum diterokai. Justeru itu kawasan Betong secara am nya terus mencapai pembangunan yang berterusan dan mampan seterusnya menjadikan Politeknik METrO Betong Sarawak hab pembelajaran yang maju dan berdaya saing di kawasan ini melalui kata-kata "Merealisasikan Kejayaan PMBS".

Wajah muka depan buletin PMBS kali ini menggambarkan imej PMBS terbaru yang lebih ceria, dinamik dan mesra. Dengan perubahan ke arah kemajuan seiring dengan peredaran masa, PMBS kini menjadi tumpuan warga Betong sendiri selain daripada pengunjung luar yang singgah ke bandar kecil ini. Imej ini merupakan antara mercu tanda terbaharu di bandar Betong, Sarawak dan menjadi kebanggaan setiap warga PMBS dan Betong secara am nya.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana atas limpah dan kurnia-NYA kita berjaya menghasilkan dan menerbitkan E-Buletin Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) edisi yang kedua. Tahniah kepada jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam menggalas tugas menghasilkan E-Buletin PMBS ini dalam memenuhi cara berkerja dalam norma baharu.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga PMBS yang bersatu hati dalam menempuh pelbagai cabaran dalam memastikan halatuju penubuhan PMBS dicapai di samping menggembeleng tenaga untuk menjulang nama PMBS seiring dan setaraf dengan institusi pendidikan tinggi yang lain. Penerbitan buletin kali ini juga diharap dapat menjadi sumber informasi kepada semua tentang rentetan perjalanan PMBS menuju ke destinasi yang cemerlang.

Sekian.


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

PMBS Pemangkin Kepada Negara Membangun,

Encik Suhaili Bin Aleh

Pengarah

Politeknik METrO Betong Sarawak





PENASIHAT

EN. SUHAILI BIN ALEH

TERBITAN & EDARAN

**PN. EVELYN ANAK
FRANKLING TEGIK**



GRAFIK & REKA BENTUK

**EN. GREGORY EVAN
ANAK NANSON**

JAWATANKUASA BULETIN PMBS

EDITOR

**PN. EMILYN
ANAK NOJEN**



EDITOR

**PN. CLARINA
ANAK REHAT**

EDITOR

**EN. GREGORY ANAK
NELSON AWAI**



EDITOR

**EN. ABDUL FATTAH
BIN HAMDEN**

ISI KANDUNGAN



Visi & Misi

i

Pengenalan

ii

Seulas Bicara Pengarah PMBS

iii

Jawatankuasa Bulletin PMBS

iv

Sorotan PMBS

1 - 24

Penghargaan



BENGKEL DAN LATIHAN 'TECHINICAL CONFIGURATION ACTIVE DIRECTORY SERVER AND NETWORKING SYSTEM'

6 HINGGA 10 JULAI 2020

Bengkel dan latihan 'TECHINICAL CONFIGURATION ACTIVE DIRECTORY SERVER AND NETWORKING SYSTEM' telah diadakan di Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS). Bengkel ini telah disampaikan oleh Encik Jamirin Bin Asong, Pegawai Unit Teknologi Maklumat dari Politeknik Kuching Sarawak (PKS).

Kursus ini telah dihadiri oleh 2 orang pegawai dari PMBS iaitu Encik Gregory Anak Nelson Awai, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan Cik Fazika Binti Hamid, Juruteknik Komputer.



Ribuan terima kasih diucapkan kepada Encik Jamirin Bin Asong atas perkongsian dan tunjuk ajar yang diberikan.




BENGKEL APLIKASI MICROSOFT TEAMS

9 - 10 JULAI 2020

Bengkel Aplikasi Microsoft Teams anjuran Unit e-learning PMBS yang diadakan secara talian selama 2 hari telah melibatkan semua pensyarah PMBS. Antara objektif bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pengetahuan kepada semua staf tentang penggunaan Microsoft Teams dalam Pembelajaran dan Pembelajaran dalam Talian (PDPDT), menyesuaikan para pensyarah menggunakan kaedah webinar untuk PDPDT melalui Microsoft Team serta membantu meningkatkan kompetensi dan kemahiran para pensyarah dalam bidang berkaitan.

Sehubungan dengan itu, dengan memiliki strategi dan langkah alternatif kepada amalan pembelajaran bersemuka kepada secara dalam talian yang dianggap pilihan terbaik dalam menghadapi situasi menggugat suasana pembelajaran ini.

Jutaan penghargaan dan terima kasih kepada Pn. Suhana Binti Ismail, Pn. Masuria Binti Mohd Tahar, Pn. Mas Ayu Binti Mohd Ariff dan Pn. Azlina Binti Hamdan dari Politeknik Mersing Johor atas ilmu dan perkongsian yang diberikan.





PROGRAM LATIHAN KEBAKARAN PMBS

13 JULAI 2020

Unit Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) yang diketuai oleh Cik Nurul Aniqah Binti Ahmad Zaidi telah bekerjasama dengan Balai Bomba Betong dalam mengadakan Program Latihan Kebakaran PMBS. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Ketua

Balai Bomba Betong, Tuan Vincent Baling Yabi serta anggota-anggotanya yang lain diatas kerjasama dalam melaksanakan simulasi kebakaran di bangunan PMBS.



Beliau juga meluangkan masa untuk memberi ceramah mengenai tatacara menyelamatkan diri dan langkah yang perlu diambil sekiranya berlaku kebakaran di premis PMBS dan prosedur yang betul menggunakan alat pemadam api. Ini dapat meningkatkan kepekaan warga PMBS terhadap elemen keselamatan semasa berlakunya kecemasan.

HOW TO BE A FUTURE READY TALENT

HAVE A CHAT WITH
**DATUK NORA
MANAF**
MAYBANK GROUP CHIEF
HUMAN CAPITAL OFFICER

17 JULY 2020
9.30AM | ZOOM



'HOW TO BE A FUTURE READY TALENT'

17 JULAI 2020

Kedua-dua Ketua Program dan Ketua Jabatan beserta pensyarah-pensyarah Jabatan Perdagangan sedang menghadiri webinar 'Zoom' yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Maybank.

Speaker sesi tersebut, Datuk Nora Manaf berkongsi pandangan serta nasihat beliau dalam kepentingan mempersiapkan diri untuk meningkat dan membina kerjaya yang mapan ke arah transformasi global.





PERTANDINGAN SEMPENA EKSA 2020

20 - 21 JULAI 2020

Pasukan Promosi EKSA Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) telah menganjurkan pertandingan Laci, Kubikel, Bilik Pegawai Terbaik, Reka Cipta Projek Inovasi dan Kreativiti EKSA serta pertandingan Reka Bentuk Baju Terbaik 2020. Selain daripada itu, Anugerah khas iaitu Anugerah Bumi turut diberikan kepada staf yang memenuhi kriteria serta garis panduan EKSA. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk menilai sejauhmana pelaksanaan dan amalan EKSA dihayati oleh warga PMBS.



Diharapkan amalan EKSA ini akan terus di dipraktikkan selaras dengan Slogan EKSA PMBS (PRAKTIKAL, MESRA, BERSIH SELESA) dan aktiviti ini sememangnya merangsang kreativiti di kalangan warga PMBS serta menggalakkan pembudayaan amalan hijau atau Go Green.

Tahniah kepada semua pemenang serta semua staf yang mengambil bahagian. Anda semua hebat!



LAWATAN SAMBIL BELAJAR AJK EKSA

4 OGOS 2020

Politeknik Metro Betong Sarawak (PMBS) telah menerima kunjungan rasmi seramai 10 orang pelawat dari Balai Bomba Dan Penyelamat Bahagian Betong yang telah diketuai oleh Encik Vincent Baling Anak Yabi pada 4 Ogos 2020 jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat 2. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk mendapatkan pendedahan awal dan berkongsi idea mengenai pelaksanaan amalan EKSA serta perbincangan maklumat berkenaan tatacara pelaksanaan serta dokumentasi EKSA di PMBS. Ketibaan pelawat disambut oleh Encik Suhaili bin Aleh, Pengarah Politeknik METro Betong Sarawak bersama Jawatankuasa induk EKSA PMBS. Majlis diteruskan dengan ucapan aluan dan taklimat EKSA oleh Jawatankuasa Latihan.



Di akhir program ini, para delegasi ini telah dibawa untuk melihat sekitar zon-zon Terlibat bagi melihat suasana sebenar pelaksanaan amalan EKSA. Para delegasi juga berkesempatan untuk melihat beberapa rekacipta dan inovasi yang telah dihasilkan oleh staff PMBS sempena pertandingan EKSA yang telah dianjurkan oleh Unit promosi induk EKSA PMBS peringkat dalaman. Diharapkan dengan lawatan ini dapat sedikit sebanyak membantu para delegasi menambah pengalaman dan pengetahuan dalam usaha pelaksanaan EKSA serta mampu mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif.



SESI TAKLIMAT PROGRAM DIPLOMA KEWANGAN & PERBANKAN

7 OGOS 2020

Puan Saptuyah binti Marjiri, Ketua Jabatan Perdagangan telah mengetuai sesi taklimat secara atas talian melalui aplikasi Webex sempena Minggu Suai Kenal (MSK) PMBS. Sesi taklimat ini turut disertai oleh para pensyarah dari Jabatan Perdagangan.

Taklimat ini bertujuan untuk mengalu-alukan pelajar Semester 1 Diploma Kewangan & Perbankan. Disebabkan negara dilanda pandemik COVID-19, minggu suai kenal tetap dijalankan dengan suasana yang baru.

Selamat maju jaya diucapkan kepada pelajar semester 1!!





PERUTUSAN TUAN PENGARAH PMBS

10 OGOS 2020

Walaupun sesi suai kenal tidak dapat dijalankan secara fizikal seperti tahun-tahun sebelumnya, namun, PMBS tidak menganggap itu satu halangan untuk mengalu-alukan kedatangan kesemua pelajar baharu Sesi Jun 2020. Tuan Pengarah, En Suhaili bin Aleh telah mengambil masa untuk hoskan perjumpaan atas talian melalui aplikasi Cisco Webex.

Perjumpaan itu turut disertai oleh timbalan pengarah serta kesemua warga pensyarah PMBS. Sebelum mengakhiri sesi ini, Tuan Pengarah sempat memberi kata-kata semangat serta perangsang untuk kesemua pelajar supaya lebih berdikari dan aktif dalam memainkan peranan masing-masing untuk menjadikan sesi pembelajaran atas talian lebih interaktif.



SAMBUTAN HARI MALAYSIA DI PMBS

15 SEPTEMBER 2020

Bagi menyemai semangat patriotisme dalam kalangan generasi masa kini, Majlis Perwakilan Pelajar PMBS telah mengadakan Sambutan Hari Malaysia di PMBS pada 15 September 2020 bertempat di Seri Metro Gemilang dengan SOP yang telah ditetapkan.

Dalam ucapan perasmian, Pengarah PMBS Encik Suhaili Bin Aleh yakin setiap acara yang dianjurkan membolehkan setiap pelajar menghayati erti sebuah perjuangan dan kemenangan kemerdekaan. Di samping itu juga, Pengarah PMBS mendedikasikan ucapan penghargaan kepada petugas barisan hadapan Malaysia atas pengorbanan yang dicurahkan.



PMBS adakan pelbagai aktiviti terapi mesej pupuk patriotisme

BETONG: Bagi menyemai semangat patriotisme dalam kalangan generasi masa kini, pelbagai aktiviti menarik dengan mesej jelas boleh dijadikan panduan khususnya para pelajar.

Pengarah Politeknik Metro Betong Sarawak (PMBS) Suhaili Aleh yakin setiap acara yang dianjurkan membolehkan pelajar menghayati erti perjuangan dan kebebasan yang dikecapi kini.

"Hari Malaysia yang diraikan dengan pelbagai aktiviti dijalankan untuk menyemai semangat patriotisme dalam kalangan pelajar di sini.

"Semangat sebegini nescaya dapat menjadi tali pengikat perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum di negara kita Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian pada sambutan Hari Malaysia yang diadakan di Seri Metro Gemilang, PMBS dekat sini kelmarin.

Dalam pada itu, Suhaili turut mendedikasikan ucapan penghargaan kepada petugas barisan hadapan Malaysia atas pengorbanan yang dicurahkan.

"Dedikasi yang tidak berbelah bagi insan istimewa ini demi memastikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat Malaysia dalam mem-



RAIKAN BERSAMA: Suhaili (tengah) bersama barisan pimpinan PMBS turut meraikan sambutan.

banteras penularan wabak COVID-19 di negara ini.

"Wira dan wirawati ini sudah semestinya menjadi sebahagian daripada sejarah yang menjadi ingatan dan teladan kepada generasi akan datang dalam memberi nilai murni yang sejati," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Perwakilan Pelajar Mohamad Hafiz Afnan Hamdani berpendapat, pembabitian setiap warga Malaysia untuk mengadakan sambutan Hari Malaysia seharusnya diberi penekanan.

"Kita melihat objektif setiap sambutan berlainan namun untuk satu tujuan

yang membentuk semangat cinta kepada negara.

"Apa pun program kali ini adalah bertujuan menyemai semangat kecintaan terhadap warisan budaya serta memupuk semangat cintakan negara dalam kalangan pelajar PMBS.

"Setiap acara yang diketengahkan mempunyai mesej tersendiri dan digarap dalam bentuk persembahan kreatif oleh para pelajar PMBS," ujarnya.

Sambutan kali ini dikendalikan Majlis Perwakilan Pelajar PMBS yang memberi peluang kepada semua pelajar untuk terlibat.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN STAF

11 SEPTEMBER 2020

Majlis Perhimpunan Bulanan Staf bagi bulan September 2020 & Anugerah Perkhidmatan Cemerlang PMBS 2019 diadakan dengan meriah dan penuh makna bertempat di foyer PMBS.

Syabas dan tahniah kepada penerima anugerah perkhidmatan cemerlang 2019, pekerja contoh bulan Ogos 2020, pemenang pertandingan EKSA, serta pemenang bagi pertandingan nama foyer PMBS.

Selain itu, majlis meraikan beberapa orang staf PMBS yang telah lama menabur bakti di sini dan berjaya mendapat perpindahan mereka. Majlis ini juga meraikan kedatangan beberapa orang staf baharu dan mengalu-alukan mereka untuk membantu kearah kecemerlangan PMBS.



GOTONG ROYONG EKSA DAN KEMPEN KITAR SEMULA

9 OKTOBER 2020

Politeknik METRo Betong Sarawak (PMBS) telah mengadakan Gotong Royong Eksa Dan Kempen Kitar Semula sempena Audit Dalam EKSA Bil 2/2020. Gotong-royong EKSA dan Kempen Kitar Semula ini diadakan bagi memberi tumpuan kepada kekemasan ruang kerja kakitangan dan bilik pegawai, bilik stor dan bilik fail dan lain-lain.

Gotong royong ini juga diadakan bagi memupuk sifat kesukarelaan di kalangan kakitangan dan pegawai serta meningkatkan keceriaan dan keharmonian pejabat.

Secara keseluruhannya, program ini bukan sahaja telah mengeratkan hubungan antara kakitangan malah ianya telah memberi impak yang amat sinonim dengan peribahasa sepakat membawa berkat. Jelas kelihatan semangat kesukarelawan tercetus berdasarkan kerjasama yang diberi dari wajah kegembiraan di kalangan Warga PMBS. Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat.



LAWATAN PENANDARASAN & SESI PERKONGSIAN SISTEM AUDIT PENGURUSAN & PENGURUSAN RISIKO

15 OKTOBER 2020

Seramai 7 orang pegawai daripada Politeknik METrO Betong Sarawak telah ke Politeknik Kuching Sarawak (PKS) bagi menghadiri Lawatan Penandaran dan Sesi Perkongsian Sistem Audit Pengurusan Risiko.

Terima kasih diucapkan kepada Puan Khairani binti Kaharuddin, Ketua Unit Jaminan Kualiti, Politeknik Kuching Sarawak kerana sudi menerima kedatangan staf PMBS dan berkongsi ilmu yang memberi manfaat kepada semua yang hadir.



LAWATAN PENANDARASAN EKSA

16 OKTOBER 2020

Terima kasih diucapkan kepada Penguasa Tanah dan Survei Betong merangkap Pengerusi EKSA Jabatan Tanah dan Survei Sarawak (JTS) Betong atas taklimat ringkas dan perkongsian mengenai pelaksanaan EKSA.

Jutaan penghargaan kepada Encik David Laeng selaku Fasilitator EKSA di JTS Betong dan Pegawai JTS Betong kerana sudi menerima kedatangan staf PMBS dan berkongsi ilmu yang memberi manfaat kepada semua yang hadir.





MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN STAF PMBS

23 OKTOBER 2020



Majlis Perhimpunan Bulanan Staf PMBS kali ini telah dianjurkan oleh Jabatan Perdagangan PMBS.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada yang terpilih sebagai pemenang untuk pertandingan EKSA serta pekerja contoh bulan Oktober 2020. Majlis turut mengambil peluang untuk mengiktiraf penglibatan staf PMBS yang menjadi penceramah dan fasilitator untuk beberapa bengkel yang telah dijalankan baru-baru ini.





PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT "LOVE YOUR NATURE"

21-23 OKTOBER 2020

Program Khidmat Masyarakat "Love Your Nature" di Taman Negara Bako menggabungkan pelajar pelancongan dari semester 2 bagi subjek Tourism Transportation dan pelajar pelancongan semester 4 Tourism Expedition.

Program ini bertujuan untuk memenuhi tuntutan silibus serta memberi pendedahan awal tentang jenis serta kepentingan sektor pengangkutan yang ada didalam industri pelancongan serta ekspidisi meneroka hutan di Bako selain dari menjalankan aktiviti khidmat masyarakat membersihkan kawasan persekitaran Taman Negara Bako.



VIRTUAL ENTREPRENEURSHIP WORKSHOP

4-5 NOVEMBER 2020

Program “Virtual Entrepreneurship Workshop for Beginner” yang dijalankan selama 2 hari ini secara umumnya mendedahkan para pelajar kepada aspek praktikal keusahawanan untuk diaplikasikan dalam dunia perniagaan. Selain itu, program yang disertai seramai 60 orang pelajar ini diharapkan dapat memberi nilai tambah kepada pelajar keusahawanan dengan mempelajari cara-cara untuk mendapatkan geran dan bantuan khas untuk usahawan kecil dan sederhana.

Tambahan pula, program sebegini menggalakkan pelajar terlibat dalam program keusahawanan dan sekaligus melahirkan usahawan di kalangan pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak. Program yang dijalankan secara atas talian melalui platform “Google Meet” ini melibatkan Kerjasama di antara agensi-agensi luar seperti Sarawak Economic Development Corporation (SEDC), TMR Technology Sdn Bhd, dan F&A Homemade Delicacy.





'BUSINESS PITCHING COMPETITION'

6 & 13 NOVEMBER 2020

Pelajar yang menyertai pertandingan ini dikehendaki menghantar video pendek berdurasi 3-5 minit dan telah dinilai dari aspek video pemasaran kreatif, model perniagaan, cara penyelesaian masalah, video menarik serta kebolehpasaran dan kreativiti produk.



SENARAI NAMA PEMENANG MENGIKUT KATEGORI

Video pemasaran Kreatif

- Sharifah Norfazura binti Wan Hamden
- Siti Izzah Insyirah binti Asari
- Edna Majin
- Nur Amira binti Mohd Hairul
- Dosphine Selina

Penyelesaian Masalah

- Khairunnisa binti Mahari
- Nurul hasikin binti Handri
- Edius Hanz anak Edmond
- Philip Ngui
- Nurzarifah Nadira binti Aron

Kebolehpasaran dan Kreativiti Produk

- Meni anak Mawang
- Casilda anak Benjamin
- Vanessa Claudia anak Fabian
- Nur Faizah binti Kassim
- Puteri Miza Syazwina binti Salleh

Model Perniagaan

- Norliyana binti Ibrahim
- Firdaus Hadi bin Suhaimi
- Ainur Natuha binti Miselan
- Evy Lisa Janggok
- Lister Dyampha anak Baging

Video Menarik

- Nur Syafiqah Amani binti Abri
- Nurafiqah binti Osman
- Florence Limang anak Bujang
- Norazimah binti Nordin
- Lia Nuryani binti
- Ahmed Zulltarmizin
- Arther Smith Mawar anak William
- Dayang Nursuzuani binti Abang Juljunaidi
- Maateshraj A/L Sunderajan
- Geetha A/P Vijayan
- Sabrina Ibrahim




PROGRAM 'LOVE YOUR CULTURE THROUGH SOCIETY' (LYCIP) DI RH. SIBAT ANAK BANYAN, KAMPUNG PENURIN, BETONG

6-8 NOVEMBER 2020



Pelajar tahun akhir jurusan Diploma Pengurusan Pelancongan institusi Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) telah menganjurkan program Love Your Culture Through Society (LYCIP) siri ke-3 pada 6 hingga 8 November 2020. Program yang melibatkan 65 orang pelajar ini dijalankan dengan penuh sederhana dan mematuhi peraturan-peraturan norma baharu. Program ini dilaksanakan di Kampung Penurin, Betong dan dirasmikan oleh Encik Friday Anak Belik, Tuan Residen bahagian Betong disaksikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.36 Laya, YB Gerald Rentap Jabu dan Encik Suhaili bin Aleh, Pengarah PMBS.



Ini selaras dengan kempen pelancongan Sarawak iaitu Kempen Pelancongan Dalam Negeri 'Sia Sitok Sarawak' yang mana merupakan inisiatif kerajaan negeri untuk merangsang industri pelancongan tempatan serta memulihkan sektor pelancongan yang terjejas dek kerana pandemik Covid-19.

Program LYCIP turut melibatkan agensi-agensi kerajaan bahagian Betong seperti Jabatan Penerangan, Pejabat Kesihatan, Pejabat Residen, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Bahagian Betong dan RELA. Program ini dianjurkan sebagai salah satu inisiatif bagi menggalakkan para pelajar untuk meningkatkan kemahiran masing-masing di dalam aspek seperti kemahiran pengurusan majlis, kemahiran sosial yang merangkumi aspek komunikasi, rundingan, bekerja dalam pasukan dan kesukarelawan disamping mendekati komuniti dalam usaha menyokong pembangunan pelancongan



Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti ceramah pembudayaan norma baharu oleh Jabatan Penerangan, ceramah pematuhan SOP dan Akta 342 oleh PDRM, ceramah keselamatan dan bantuan awal kebakaran oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, ceramah peranan 'Divisional Tourism Task Group' di dalam Komuniti yang disampaikan oleh pegawai dari Pejabat Residen Betong dan diakhiri dengan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (Corporate Social Responsibility) PMBS iaitu program 'Green & Clean at Penurin' yang diketuai oleh Majlis Perwakilan Pelajar PMBS yang melibatkan peserta program dengan penduduk Kampung Penurin.

Rencana

Ahad, 15 November 2020 **Borneo** 9

Rh Penurin sebagai tumpuan pelancong bakal beri impak positif kepada Betong

oleh Ismail Ibrahim

USHAH Politeknik METRO Betong Sarawak (PMBS) mengemukakan Rumah Penurin, Betong sebagai tumpuan pelancongan baharu di Betong dilihat bakal memberi impak positif kepada masyarakat setempat menerusi program 'Love Your Culture Through Society' (LYCIP) siri ketiga.

Di samping memperkembangkan budaya masyarakat setempat, ia juga menyediakan aktiviti kepada anak-anak muda yang masih belum terdedah kepada masyarakat sendiri, selain menggalakan industri kepada orang tua yang tinggal di kampung.

"Kegiatan budaya dengan program ini dijalankan oleh Pengurusan PMBS yang membolehkan pelajar-pelajar menyeronangi kehidupan masyarakat Betong dengan program ini."

"Ia adalah program tahunan dan salah satu aktiviti yang ditargetkan dalam pembangunan budaya pelancongan."

"Kata ADUN Layan, Gerald Rentap Jabu ketika menyampaikan program ini."

Pengaruh PMBS, Suhaili Aleh berkata pengurusan program ini merupakan salah satu inisiatif untuk menggalakan pelajar mengemukakan keahliannya masing-masing dalam aspek pembangunan pelancongan.

"Ini selaras dengan Kempen Pelancongan Dalam Negeri 'Siti Sarawak' yang merupakan inisiatif kerajaan negeri meng-



FBA SMAN: Rentap menyerahkan program tersebut di Rumah Sibit Banyan, Penurin di Betong.



FENGHAGAN: Suhaili menyampaikan ceramah kepada Rentap pada perasmian program tersebut.



kan industri pelancongan tempatan serta memulakan sektor pelancongan teresah akibat pandemik COVID-19," katanya.

Kesempatan yang ada di Betong dilihat sebagai peluang untuk pelajar-pelajar setempat mengemukakan keahliannya masing-masing dalam aspek pembangunan pelancongan.

"Ini selaras dengan Kempen Pelancongan Dalam Negeri 'Siti Sarawak' yang merupakan inisiatif kerajaan negeri meng-

tempi mempromosi komuniti dan keistimewaan Rumah Penurin.

Ia juga dapat menyebarkan kepada masyarakat penduduk yang boleh membawa pendapatan.

"Kami pasti akan meneruskan program ini kerana ia memberi impak positif kepada masyarakat setempat."

Antara aktiviti yang dijalankan ialah ceramah pembudayaan norma baharu oleh Jabatan Penerangan, pematuan SOP dan Akta 342 oleh PDRM, ceramah keselamatan dan bantuan awal kebakaran oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, ceramah peranan 'Divisional Tourism Task Group' dalam Komuniti oleh pegawai dari Pejabat Residen Betong dan aktiviti tanggungjawab sosial korporat 'MBS siri program 'Green & Clean at Penurin'.



LYCIP 2020: Rentap sempat melawat kepada pameran di rumah Sibit Banyan.



LYCIP 2020: Rentap sempat melawat kepada pameran di rumah Sibit Banyan.



AKTIVITI PELAJAR: Aktiviti dijalankan oleh pelajar-pelajar pada program LYCIP 2020.

Keratan akhbar Utusan Borneo bertarikh 15 November 2020

RABU • 11 November 2020 • 25 Rabiulawal 1442H

13

KESEJAHTERAAN RAKYAT

Kempen fokus aktiviti melancong

OSMAN RAZALI
news@suarasarawak.my

BETONG: Politeknik METRO Betong Sarawak (PMBS) menyokong inisiatif Siti Sarawak oleh Kerajaan Sarawak melalui program Sayangi Budaya Anda Melalui Masyarakat (LYCIP).

Pengaruhnya Suhaili Aleh berkata, ini selaras dengan kempen pelancongan Sarawak yang memfokuskan aktiviti melancong dalam negeri berkonsepkan Siti Sarawak.

"Kita di PMBS menyambut baik dan menyokong sepenuhnya inisiatif Kerajaan Sarawak dalam merangsang industri pelancongan tempatan sekali gus memulihkan sektor itu yang terjejas kerana pandemik Covid-19."

"Justeru, menerusi LYCIP bukan sahaja menggalakan penuntut kita meringkatkan kemahiran masing-masing dalam aspek pengurusan majlis, sosial yang merangkumi komunikasi, rundingan, bekerja dalam pasukan dan kesukarelawan."

"Lebih penting ia menjadi platform mendekati komuniti dalam usaha menyokong pembangunan pelancongan khususnya di Betong," katanya.

Belau berkata demikian pada program LYCIP siri ketiga di Penurin, baru-baru ini yang dirasmikan oleh Residen Bahagian Betong Friday Belik sambil dihadiri Adun Layan Gerald Rentap Jabu.

Katanya, melalui LYCIP juga, PMBS secara tidak langsung membantu mengelakkan Penurin sebagai tempat tumpuan pelancongan yang baharu di Betong.

Sementara itu, Tuai Rumah Sibit Banyan menyambut baik pelaksanaan program ini kerana secara tidak langsung memberi manfaat kepada komuniti di rumah panjang tersebut.

Katanya, menerusi aktiviti-aktiviti yang dijalankan telah membuka peluang kepada penduduk setempat mempromosi keunikan dan keistimewaan yang ada di Penurin.

Pengaruh program LYCIP Afiz Osman Aman Shah pula mengukuhkan program sebegini mampu memupuk hubungan yang baik antara PMBS dengan masyarakat setempat.

"Apa yang menarik, penuntut PMBS yang berbeza latar belakang dapat

memelajari adat resam dan budaya serta cara hidup penduduk di Penurin.

"Bagi saya, ini pengalaman yang unik dan menarik," ujarnya.

LYCIP dianjurkan oleh penuntut tahun akhir jurusan Diploma Pengurusan Pelancongan PMBS dengan penglibatan 65 orang dan program dijalankan mengikut norma baharu.

Ia turut melibatkan pelbagai agensi kerajaan di Bahagian Betong.

Antara pengisian utamanya ialah ceramah pembudayaan norma baharu oleh Jabatan Penerangan, ceramah pematuan SOP dan Akta 342 oleh pihak polis, ceramah keselamatan dan bantuan awal kebakaran oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan ceramah peranan Kumpulan Tugas Pelancongan Bahagian di dalam komuniti oleh pegawai di Pejabat Residen Bahagian Betong.

PMBS dalam pada itu turut melaksanakan aktiviti tanggungjawab sosial korporat yang bertemakan Hijau dan Putih di Penurin.

BANTU KOMUNITI... Warga Politeknik METRO Betong Sarawak meluangkan masa bersama penduduk melaksanakan aktiviti tanggungjawab sosial korporat.

Keratan akhbar Suara Sarawak bertarikh 11 November 2020

PROGRAM PENJELAJAHAN PENDIDIKAN PMBS ZON MIRI DAN BINTULU

22-25 NOVEMBER 2020



Siri penjelajahan ini telah dilaksanakan di tiga buah sekolah menengah kebangsaan di bahagian Miri, Sarawak iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Permaisuri, Sekolah Menengah Kebangsaan St. Columba dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Miri bertujuan untuk memberikan maklumat dan informasi berkaitan Politeknik secara amnya dan khususnya program yang ditawarkan di Politeknik METrO Betong Sarawak, iaitu Program Diploma Kewangan dan Perbankan dan Program Pengurusan Pelancongan.

Penjelajahan ini diteruskan pula dengan lawatan kerja ke Kolej Komuniti Miri, Sarawak bagi berkongsi maklumat, khususnya dalam bidang pengurusan sistematik serta perkongsian amalan-amalan baik organisasi yang dapat dipelajari untuk menambahbaik prestasi organisasi masing-masing.



Siri penjelajahan di Miri sebelum itu dimulakan dengan satu program khidmat masyarakat, iaitu Program 'Green Recovery : Love Where You Live' yang diadakan di Piasau Nature Reserve, Miri. Program ini diadakan bertujuan untuk mengetahui usaha-usaha yang dijalankan untuk mempraktik amalan hijau dan memberi kesedaran dalam menjaga alam sekitar bagi memastikan kelestarian alam terpelihara untuk kepentingan generasi yang akan datang.

PMBS juga tidak ketinggalan untuk menyusun atur Program Jalinan Komuniti bertempat di Pertubuhan Perpikat Bintulu bagi memberi bantuan terhadap golongan masyarakat yang memerlukan dan secara tidak langsung dapat memupuk semangat muhibbah antara komuniti dan warga PMBS.

PMBS terap amalan cintakan alam sekitar, khidmat masyarakat di Miri dan Bintulu

BETONG: Politeknik METRO Betong Sarawak (PMBS) menerapkan amalan cintakan alam sekitar dan menyajikan khidmat masyarakat menerusi penganturan Program Jelajah Pendidikan di Zon Miri dan Bintulu, baru-baru ini.

Pengarah PMBS Suhaili Aleh memberitahu, program itu memfokus kepada penerapan budaya dalam masyarakat yang perlu diperkenalkan agar dapat melindungi alam sekitar daripada pencemaran.

"Sikap kerakusan masyarakat yang kurang prihatin terhadap alam sekitar yang tidak mempedulikan tentang kebersihan dan tidak peka terhadap pencemaran harus dikalis."

"Kita seharusnya menyemai sikap cintakan keindahan dan kejayaan alam sekitar tanpa bertukar-nukar dengan membudayakan kelesakan terhadap bumi," katanya.

Jelajanya lagi, program selama empat hari bermula 22 November lalu melibatkan tiga sekolah di Bahagian Miri iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Permaisuri, SMK St. Columba dan SMK Agama Miri.

Suhaili turut mengacukan setinggi-tinggi penghargaan kepada warden Taman Temu, Piasau Nature Reserve Louis Velda Dominic Salan atas kesediaan pihak beliau menerima kunjungan rombongan PMBS bagi menyajikan program 'Green Recovery: Love Where You Live' yang jalinan kali diadakan di Miri.

"Saya berharap program ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan boleh menjadi pencetus idea kepada agensi lain serta masyarakat awam agar dapat menganjurkan program sebegini bagi menjaga keindahan alam sekitar."

"Tidak lupa juga kepada pihak yang terlibat dalam menyajikan siri penjelajahan ini," tambahnya.

Sementara itu, ketua rombongan Ustaz Muhammad Firdaus Mohd Ramlee menjelaskan tujuan program itu ialah untuk menyampaikan maklumat berkaitan Politeknik secara amnya, khususnya program yang



CINTA ALAM SEKITAR: Rombongan PMBS merakamkan kenangan pada program Khidmat Komuniti di Miri.

ditawarkan di PMBS iaitu Program Diploma Kewangan dan Perbankan dan Program Pengurusan Pelancongan.

"Harapan PMBS agar Program Jelajah Pendidikan ini dapat menarik tumpuan para pelajar untuk menyumbang kepada generasi akan datang yang lebih tinggi mengikut minat masing-masing."

"Justeru, program ini menjadi landasan untuk bertukar informasi yang tepat kepada para pelajar, guru-guru dan pihak pentadbir sekolah berkenaan bidang-bidang yang ditawarkan PMBS di samping kita menar-nurkan pengambilan pelajar yang dibuka dan kalistahan, iaitu pada Jun dan Disember," jelasnya lagi.

Muhammad Firdaus yang juga Ketua Unit Hal Ehwal Pelajar di PMBS pula berkata, program tersebut disertai seramai 16 penyarah dari Jabatan Perdagangan dan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, PMBS.

Terdahulu, siri penjelajahan di Miri dimulakan dengan satu program khidmat masyarakat, iaitu Program 'Green Recovery: Love Where You Live' yang diadakan di Piasau Nature Reserve, Miri.

Pengarah programnya

Aren Lah Kebing memberitahu, misi program ini adalah untuk mengetahui usaha-usaha yang dijalankan bagi mempraktikkan amalan hijau dan memberi kesedaran dalam

menjaga alam sekitar dalam memastikan kelestarian alam terpelihara untuk kepentingan generasi akan datang.

"Inilah usaha kita sebagai pelopor kepada generasi yang akan datang untuk memastikan kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar akan terus dipelihara."

"Selain itu, kita juga menyokong usaha penailiharaan yang dijalankan dalam mempraktikkan amalan hijau," ujarnya.

Pada hari terakhir program jelajah tersebut diadakan Program Jalinan Komuniti bertempat di Pertubuhan Perpikat Bintulu di mana program tersebut diketuai oleh Ketua Jabatan Sokongan Akademik PMBS Mohamad Taber Kasa.

Pengarah program, Muhammad Qasbi Syamin Abdullah berkata program ini memberi pengertinan yang amat dalam kepada masyarakat setempat dalam membina jaringan antara kedua-dua pihak.

"Kita berpendapat program ini bertujuan untuk memberi bantuan kepada golongan masyarakat yang memerlukan dan secara tidak langsung dapat memupuk semangat muhibbah antara komuniti dan warga PMBS."

"Oleh itu kita akan berusaha meneruskan setiap aktiviti dengan perancangan yang matang agar program seterusnya kelak," katanya.

masing-masing.

"Apa yang baik dan dapat kita kongsi akan digunakan untuk kepentingan organisasi masing-masing seterusnya menajaukan inisiatif agar selari dengan keperluan pendidikan," katanya.

Dalam pada itu PMBS juga tidak ketinggalan menyusun atur program kemasyarakatan bagi memberi khidmat bukti kepada masyarakat setempat.

Pada hari terakhir program jelajah tersebut diadakan Program Jalinan Komuniti bertempat di Pertubuhan Perpikat Bintulu di mana program tersebut diketuai oleh Ketua Jabatan Sokongan Akademik PMBS Mohamad Taber Kasa.

Pengarah program, Muhammad Qasbi Syamin Abdullah berkata program ini memberi pengertinan yang amat dalam kepada masyarakat setempat dalam membina jaringan antara kedua-dua pihak.

"Kita berpendapat program ini bertujuan untuk memberi bantuan kepada golongan masyarakat yang memerlukan dan secara tidak langsung dapat memupuk semangat muhibbah antara komuniti dan warga PMBS."

"Oleh itu kita akan berusaha meneruskan setiap aktiviti dengan perancangan yang matang agar program seterusnya kelak," katanya.



Semai semangat cintai alam sekitar

OSMAN RAZALI
osmanrazali@sarawak.gov.my

BETONG: Sepanukan penyarah Politeknik METRO Betong Sarawak (PMBS) menjelajah sehingga seratus kilometer alas usaha kelestarian alam sekitar serta menyemai semangat 'Love Where You Live'.

Pengarahnya Suhaili Aleh berkata, siri penjelajahan ke Miri dijalankan dengan banyak program dan salah satunya mereliasikan aktiviti khidmat masyarakat menerusi program 'Green Recovery: Love Where You Live' yang diadakan di Piasau Nature Reserve.

"PMBS ingin mengeluhai usaha-usaha yang dilakukan untuk mempraktikkan amalan hijau di situ."

"Kerana, ini sekali gus menajaukan kesedaran dalam menjaga alam sekitar demi memastikan kelestarian alam agar terpelihara untuk kepentingan generasi akan datang," katanya di sini, semalam.

Bellau berharap usaha sebegini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

"Saya yakin, program 'Green Recovery: Love Where You Live' mampu menjadi pencetus idea kepada agensi lain serta orang ramai demi menjaga keindahan alam sekitar."

"Terima kasih kepada pengarah program Aren Lah Kebing yang bertanggung jawab memastikan program ini berjaya."

"Begitu juga warden Louis Velda Dominic Salan kerana sudi menerima kunjungan PMBS bagi menyajikan program yang jalinan kali diadakan," ujarnya.

Tambahnya, siri kembara PMBS ke Miri dan Bintulu turut diisi dengan beberapa program lain seperti jelajah pendidikan ke SMK Dato Permaisuri, SMK Saint Columba dan SMK Agama Miri.

Menurut Ketua Unit Hal Ehwal Pelajar PMBS merangkap ketua jelajah pendidikan Ustaz Muhammad Firdaus Mohd Ramlee, 16 penyarah dari Jabatan Perdagangan dan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti memberikan maklumat dan informasi berkaitan politeknik secara amnya dan khususnya program yang ditawarkan di PMBS iaitu Program Diploma Kewangan dan Perbankan dan Program Pengurusan Pelancongan.

Katanya lagi, platform ini dimanfaatkan untuk mengur-urakan pengambilan penuntut baharu yang dua-dua kali setahun (Jun dan Disember).

"Kita berharap lebih ramai lepasan

sekolah menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi mengikut minat masing-masing," lambuhnya.

Pasukan PMBS selepas itu melawat Kolej Komuniti Miri diketuai Timbalan Pengarah PMBS Yap Teck Chuan bagi bertukar maklumat berkaitan bidang pengurusan sambilan serta amalan baik organisasi yang dapat dipelajari untuk menambah baik prestasi kedua-dua organisasi.

PMBS juga tidak ketinggalan menyusun atur Program Jalinan Komuniti bertempat di Pertubuhan Perpikat Bintulu yang dipimpin Ketua Jabatan Sokongan Akademik Muhammad Taber Kasa.

"Platform ini memberikan kita peluang untuk membantu masyarakat yang memerlukan dan secara tidak langsung dapat memupuk semangat muhibbah antara komuniti dan warga PMBS," katanya.



KONGSI ILMU... Timbalan Pengarah Kolej Komuniti Miri Rolans Tsok Wui (tengah) berinteraksi dengan staf PMBS yang bertugas di situ.



DEMI ALAM... Para penyarah PMBS bergambar kenangan bersama warga Piasau Nature Reserve pada program khidmat masyarakat Green Recovery: Love Where You Live.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN STAF PMBS

4 DISEMBER 2020

Majlis Perhimpunan Bulanan Staf PMBS telah diadakan pada 4 Disember 2020 di Sri METrO Gemilang. Majlis perhimpunan kali ini yang dianjurkan oleh Jabatan Sokongan Akademik sentiasa mengutamakan 'Standard Operating Procedure' (SOP) bagi mencegah COVID-19. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada penganjur perhimpunan staf ini kerana telah bertungkus lumus memastikan majlis ini berjalan dengan lancar dan jayanya. Tidak lupa juga ucapan syabas diucapkan kepada penerima-penerima anugerah pada hari ini.

Semoga ianya dapat memberi suntikan semangat untuk sentiasa memberi komitmen yang jitu di dalam perkhidmatan amnya, dan khususnya pelaksanaan tugas harian di pejabat. Ini juga secara tidak langsung boleh menjadi inspirasi kepada staf-staf PMBS yang lain untuk lebih komited dalam tugas masing-masing.



PENGHARGAAN

Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberi pandangan, cadangan, maklum balas serta kerjasama dari semasa ke semasa untuk menambah baik dan memantapkan lagi isi kandungan dan informasi terkini sehingga buletin 'Suara Sadok' PMBS edisi kedua ini berjaya diterbitkan.



POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK
1-12, FASA 2, BANDAR BARU JALAN BARU
BETONG
95700, BETONG, SARAWAK.

 : 083-472676

 : 083-472991

 : www.pmbs.edu.my

 : Politeknik METrO Betong Sarawak

 : politeknikmetrobetong (Official)

 : PolyMETrO Betong Sarawak